



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 6051 (KP)  
E-mail : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

### **KENYATAAN MEDIA**

*Oleh;*

**YH DATO DR ABD AZIZ JAMALUDDIN**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
13 Disember 2010 (Isnin)

### **MAJLIS MENANDATANGANI DAN PERTUKARAN SURAT PERSETUJUAN ANTARA MALAYSIA DAN NEW ZEALAND MENGENAI SYARAT HALAL BAGI DAGING DAN PRODUK DAGING**

1. Pada tahun 2009, pengeluaran daging lembu/kerbau ialah 42,178 tan metrik (26.98% tahap saradiri) dan pengeluaran daging kambing ialah 2,161.9 tan metrik (10.32% tahap saradiri). Sementara itu penggunaan domestik untuk daging lembu/kerbau ialah 156,318 tan metrik dan untuk daging kambing ialah 20,947 tan metrik. Oleh itu, bagi memenuhi permintaan domestik, Malaysia perlu mengimport daging lembu/kerbau dan daging kambing dari luar negara.
2. Bagi memastikan daging yang diimport selamat untuk dimakan dan Halal, pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membuat pemeriksaan ke atas setiap loji/rumah sembelih di luar negara sebelum diluluskan untuk dieksport ke Malaysia. Pematuhan kepada Halal Toyibban yang merangkumi syarat sanitasi dan Halal merupakan syarat utama bagi kelulusan eskport ke Malaysia.
3. JPV dan JAKIM sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa negara asing dan Badan Islam yang telah diiktiraf bagi memastikan loji/rumah sembelih mematuhi syarat-syarat Halal Toyibban untuk eskport ke Malaysia. Satu daripada pihak berkuasa negara luar yang telah mengadakan perbincangan dengan JPV dan

JAKIM berkaitan pemeriksaan loji/rumah sembelih ialah *New Zealand Food Safety Authority* (NZFSA).

4. Beberapa siri perbincangan telah diadakan pada tahun ini di antara pegawai-pegawai daripada JPV, JAKIM, NZFSA dan Kedutaan New Zealand di Kuala Lumpur berkaitan pemeriksaan loji terutama pematuhan kepada Halal Toyibban. Hasil daripada perbincangan ini pihak NZFSA telah berjaya menghasilkan *Animal Products (New Zealand Overseas Market Access Requirements for Halal Assurances) Notice 2010* yang terpakai kepada semua Negara Islam yang lain dan *Malaysia Meat and Meat Products Halal Requirements (Overseas Market Access Notification) Notice 2010* yang khusus untuk pengesportan ke Malaysia.
5. *Malaysia Meat and Meat Products Halal Requirements (Overseas Market Access Notification) Notice 2010* merupakan peraturan yang akan dikuatkuasa oleh New Zealand bagi loji/rumah sembelih yang mahu mengeksport daging ke Malaysia. *Malaysia Meat and Meat Products Halal Requirements (Overseas Market Access Notification) Notice 2010* ini mengambilkira pematuhan kepada *MS 1500:2009 (Halal Food-Production,Preparation,Handling and Storage-General Guidelines)* dan *Malaysian Halal Protocol*. Walau bagaimanapun, pegawai JPV dan JAKIM yang membuat pemeriksaan ke atas loji/rumah sembelih di New Zealand akan membuat pemeriksaan berdasarkan syarat sanitasi, MS 1500 dan *Malaysian Halal Protocol* seperti mana yang telah digunapakai untuk pemeriksaan loji/rumah sembelih di luar negara.
6. Bagi memeteraikan persetujuan di antara JPV, JAKIM dan NZFSA berkaitan *Malaysia Meat and Meat Products Halal Requirements (Overseas Market Access Notification) Notice 2010*, satu majlis menandatangani surat dan pertukaran surat persetujuan telah diadakan pada 13 Disember 2010 di Putrajaya. Surat ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Ketua Pengarah JAKIM, Ketua Pengarah *New Zealand Food Safety Authority* dan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia.
7. JPV dan JAKIM sentiasa mengalu-laukan perbincangan dan kerjasama dengan pihak berkuasa negara luar bagi mengelakkan salah faham berkaitan syarat pengimportan daging Halal ke Malaysia.